



## **ANUGERAH PERSATUAN SISWAZAH WANITA MALAYSIA (APSWM)**

### **TERMA RUJUKAN GERAN PENYELIDIKAN (MALAYSIAN WOMEN GRADUATES ASSOCIATION AWARD)**

<b>PENGENALAN</b>	<p>Bermula pada tahun 2020, Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM) menawarkan satu anugerah bernilai RM 10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu) kepada calon-calon Ijazah Sarjana bagi membantu mereka menjalankan penyelidikan yang membawa kepada penulisan tesis untuk Ijazah Sarjana. Nama Anugerah ialah Anugerah Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (APSWM).</p> <p>Bagi tahun 2020, bidang pengkhususan yang telah ditetapkan ialah tadbir urus yang baik atau “good governance”.</p> <p>Sepanjang tahun 2020 kita telah mengalami krisis penularan Covid-19. Pandemik akibat penularan Covid-19 ini secara global telah menjangkiti berjuta manusia dan mengakibatkan kehilangan ratusan ribu nyawa. Gejala pandemik mencetuskan kesan yang meluas ke seluruh dunia dan membawa implikasi yang belum pernah terjadi sebelumnya. Susulan dari itu, banyak negara termasuk Malaysia telah mengambil langkah pencegahan yang ketat dengan mengisytiharkan perintah berkurung dan kawalan pergerakan, serta langkah rangsangan ekonomi. Namun, rantai permasalahan pandemik bukan sahaja merencatkan ekonomi semata-mata, tetapi juga terhadap sistem kesihatan, ekonomi, politik, pendidikan, teknologi, budaya dan sosial. Semua ini memberi impak sosial yang luar biasa dan telah mengubah norma masyarakat di seluruh dunia. Dengan kesan langsung kepada eko-sistem perniagaan domestik, gejala ini sekali gus mengakibatkan ramai kehilangan pekerjaan. Tahap pengangguran yang meningkat, mengakibatkan ramai hilang sumber pendapatan. Hal ini memberi impak dalam pelbagai segmen kehidupan masyarakat. Keadaan ini mewujudkan suasana keresahan</p>
-------------------	---

	<p>dan mendorong kepada gangguan kesejahteraan mental dan emosi, penderaan, keganasan rumah tangga dan perceraian secara lebih meluas daripada keadaan biasa.</p> <p>Mejangkau ke hadapan, paling dikhuatiri ialah jika keadaan ini berterusan tanpa langkah menyeluruh untuk menangani serta kebimbangan mengenai kerentanan akibat dari ketidaktentuan ekonomi dan impak pada kesihatan fizikal dan mental. Hal ini menekankan betapa perlunya dasar awam yang lebih siap-siaga untuk masa hadapan dan yang tidak meninggalkan sesiapa, serta masyarakat yang lebih cakna terhadap penjagaan kesihatan serta mempunyai keperihatinan yang tinggi antara satu sama lain.</p> <p>Berdasarkan latar belakang di atas, Persatuan Siswazah Wanita Malaysia menetapkan tajuk kajian bagi geran penyelidikan bagi tahun 2021 ialah <b>“Gejala pandemik: Impak Sosial Terhadap Masyarakat Malaysia”</b></p>
<p><b>SYARAT &amp; PERATURAN PERMOHONAN</b></p>	<p>Anugerah ini diberikan kepada calon sarjana yang berdaftar di mana-mana universiti awam di Malaysia yang menulis tesis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris tentang mana-mana aspek <b><i>disiplin ilmu disertasi</i></b> yang berkaitan dengan aspek pengkhususan yang ditetapkan oleh Ahli Lembaga Persatuan Siswazah Wanita Malaysia setiap tahun.</p> <p><b>Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Permohonan terbuka kepada semua calon Ijazah Sarjana di setiap fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (Social Sciences dan Humanities) universiti awam di Malaysia.</li> <li>2. Permohonan terbuka kepada penulisan tesis yang ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.</li> <li>3. Setiap permohonan perlu disertakan dengan cadangan penyelidikan yang telah dibentangkan untuk pembelaan pencalonan di peringkat pertama (first candidature defence) dan diluluskan oleh fakulti masing-masing dan disahkan oleh Penyelia sebelum dihantar kepada Pengerusi APSW melalui Penyelia dan Dekan/Pengarah masing-masing dengan alamat e-mel berikut: <b>apswm2020@gmail.com</b>.</li> </ol>
<p><b>TEMPOH PROJEK PENYELIDIKAN</b></p>	<p>Tempoh maksimum yang dibenarkan adalah selama <b>12 bulan sahaja</b>.</p>

<b>DANA PROJEK</b>	RM 10,000.00 (maksimum)	
<p><b>PERATURAN KEWANGAN</b> Semua urusan kewangan adalah tertakluk kepada Prosedur dan Polisi Jawatankuasa APSWM dengan kelulusan Majlis PSWM</p> <p>Peruntukan yang dipohon bagi setiap vot hendaklah disenaraikan secara terperinci/lengkap dan dilampirkan sebutharga.</p>	1. Perjalanan dan Pengangkutan (40% maksimum.)	<p>Perbelanjaan perjalanan untuk menjalankan kerja lapangan dan menghadiri persidangan untuk pembentangan kertas kerja berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan dalam negara sahaja.</p> <p>Persidangan hanya dibenarkan satu (1) kali sahaja sepanjang tempoh penyelidikan dalam negara atau di negara jiran dan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa APSWM.</p>
	2. Perkhidmatan Ikhtisas	Anugerah ini hanya meliputi perkhidmatan seperti pembayaran honorarium kepada pembantu bagi kerja-kerja jangka pendek di kerja lapangan.
	3. Mod pembayaran	Mod pembayaran akan dibuat secara berperingkat berdasarkan jadual kerja.
<b>LAPORAN PROJEK PENYELIDIKAN</b>	Laporan Kemajuan & Laporan Akhir	<p>1. <b>Laporan Kemajuan</b> Laporan Kemajuan fizikal dan perbelanjaan penyelidikan perlu dikemukakan kepada Pengerusi APSWM melalui Penyelia dan Dekan/Pengarah fakulti setiap <b>EMPAT (4)</b> bulan.</p> <p>2. <b>Laporan Akhir</b> Laporan Akhir penyelidikan perlu dihantar dalam tempoh <b>TIGA (3)</b> bulan selepas tarikh tamat penyelidikan.</p>
<b>TUNTUTAN DAN PEMBAYARAN</b>	Semua urusan tuntutan dan bayaran perlu diselesaikan dalam masa <b>TIGA (3)</b> bulan selepas tarikh tamat.	

<b>HASIL PENYELIDIKAN</b>	<p>Penerima anugerah dikehendaki menerbitkan <b>sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan dalam Jurnal Berindeks (sekurang-kurangnya Scopus)</b>. Penghargaan kepada Geran Penyelidikan APSWM mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan dan kertas kerja persidangan.</p> <p>Bukti penerbitan perlu dikemukakan kepada Pengerusi APSWM melalui Penyelia dan Dekan/Pengarah masing-masing. (emel: apswm2020@gmail.com)</p>
<b>IMPAK PENYELIDIKAN</b>	<p>Projek penyelidikan yang dicadangkan hendaklah mempunyai impak kepada industri dan/atau masyarakat. Calon dikehendaki menyatakan impak yang dijangka daripada penyelidikan yang dicadangkan.</p>

Disediakan pada: 17 Disember 2020 (NSK-ZAR)

Dikemaskini pada 31 Januari 2021 (AJK APSWM)